

07 APR 2001

Mahathir-Pas

SAYA TENTANG PAS KERANA PEMIMPINNYA MENYELEWENG, KATA DR MAHATHIR

GUA MUSANG, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penentangan keras beliau terhadap Pas pada masa ini berpunca daripada usaha pemimpin parti itu untuk menggagalkan kemajuan umat Islam negara ini melalui tindakan yang bertentangan dengan ajaran agama.

Perdana Menteri berkata Pas sebenarnya bukanlah sebuah parti Islam seperti yang didakwa oleh pemimpinnya sebaliknya parti itu bertanggungjawab mengkhianati perjuangan orang Islam.

"Dia (Pas) membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, tetapi dia masih dapat menipu pengikut-pengikut Pas, sehingga mereka terus menyokong,

"Bila kita terang macamanapun kepada pengikut Pas dia dok kata itu juga, dia dok kata dia betul, dia Islam. Sebenarnya dia jauh daripada Islam, bahkan mengkhianati perjuangan orang Islam," katanya pada sidang berita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Gua Musang di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Tengku Razaleigh Hamzah, yang kekal sebagai ketua bahagian itu, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed, yang juga Ketua Perhubungan Umno Kelantan.

Dr Mahathir berkata beliau kerap mengulangi kenyataan berhubung penipuan yang dilakukan oleh Pas selama ini bagi menyedarkan rakyat berhubung taktik pembohongan parti pembangkang itu.

"Perkara ini perlu disuarakan, kalau kita senyap dia akan lebih berjaya. Sekurang-kurangnya saya harap orang Umno tidak akan tertarik. Orang Pas yang dah taksub dengan Pas, biarlah. Kita dah tak boleh betulkan mereka, tetapi orang Umno jangan terpedaya dengan hujah-hujah Pas," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut menyanggah pendapat bahawa kritikkannya terhadap Pas boleh menjejaskan usaha ke arah penyatuan Melayu yang turut melibatkan kerjasama Pas.

Menurutnya soal perpaduan itu hanya berkaitan dengan kepentingan orang Melayu yang merupakan anggota kedua-dua parti itu manakala dalam perkara lain yang tiada kaitan, Pas dan Umno masih tetap bermusuh.

"Dia orang Melayu, kita pun Melayu, jadi dalam perkara (penyatuan) ini kita boleh bersatu, bukan bersatu sehingga nak buat satu pertubuhan, cuma bersatu dalam membuat pendirian sahaja. Sebab itu saya kata kita masih boleh terus bermusuh dengan Pas, dan Pas boleh terus bermusuh dengan kita," katanya.

Beliau juga berkata dalam usaha ke arah penyatuan Melayu itu, Pas masih juga mengamalkan sikap menentang Umno sehingga sanggup mengadakan "seratus" ceramah sehari di merata-rata tempat bagi mengecam Umno termasuk memaki pemimpin Umno serta sanggup menggelarnya "Firaun".

Diminta mengulas ucapan Tengku Razaleigh supaya beliau terus kekal memimpin negara ini, Dr Mahathir sambil tersenyum berkata : "Saya ucap terima kasihlah. Saya ini dah tua dah. Dah patut pencen, tetapi kalau orang nak suruh saya buat kerja, saya buat kerjalah. Kadang-kadang kena KSMlah. Kerja Sampai Mati".

Pada perasmian itu, Tengku Razaleigh dalam ucapannya meminta Dr Mahathir mengkaji semula sistem kuota yang mewajibkan calon-calon untuk mendapat cukup pencalonan dari cawangan sebelum dibenarkan bertanding.

Menurut Tengku Razaleigh, syarat itu menjadi antara punca berlaku

politik wang apabila hanya mereka yang mempunyai wang sahaja bertanding merebut jawatan hingga menyebabkan golongan muda lain menjauhkan diri dari Umno.

Menjawab soalan itu, Perdana Menteri berkata: "Pada masa ini, saya hanya boleh kata bahawa saya akan meneliti perkara ini. Saya sanggup mengakji setiap pendapat untuk melihat bagaimana kita menjadikan Umno lebih baik."

Peraturan Umno meletakkan syarat bahawa bahagian yang mempunyai kurang daripada 150 cawangan, anggota yang ingin bertanding jawatan ketua bahagian perlu memperolehi 20 peratus pencalonan daripada cawangan, timbalan ketua bahagian sebanyak 15 peratus dan naib ketua 10 peratus.

Bagi bahagian yang memiliki cawangan lebih daripada 150 cawangan, calon ketua bahagian perlu mengumpul minimum 30 pencalonan, timbalan ketua sekurang-kurangnya 20 pencalonan dan naib 10 pencalonan.

Berkenaan strategi untuk membolehkan Umno merampas Kelantan dari Pas pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata masih banyak lagi usaha yang perlu dibuat oleh Umno Kelantan.

Terdahulu, semasa berucap, Dr Mahathir berkata kegagalan Pas untuk membangunkan dan mentadbir secara berkesan di Kelantan walaupun telah memerintah sejak 1990 sepatutnya menjadi iktibar kepada rakyat negara ini.

Katanya Pas yang kini membentuk kerajaan negeri di Kelantan dan Terengganu bertanggungjawab menyebabkan proses pembangunan di Kelantan terbantut semasa pemerintahan parti itu sehingga menyebabkan Kelantan kini antara negeri paling ketinggalan dalam pelbagai segi berbanding negeri-negeri lain.

"Pemimpin Pas memang pandai berdoa tetapi dalam pentadbiran kerajaan mereka tiada kepakaran. Apakah Pas dapat bangunkan Kelantan?" katanya.

Dalam ucapan satu jamnya yang banyak mengkritik Pas, Dr Mahathir menghuraikan bagaimana parti itu memesongkan umat Islam negara ini, menggunakan cara kotor bagi menghasut dan membangkitkan rasa marah rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional dan Umno, mengkafirkan orang Umno dengan sewenang-wenangnya serta menjadi punca kepada perpecahan umat Islam di negara ini.

Beliau kesal kerana Pas masih lagi bertindak menghasut dan mengganggu pelajar-pelajar universiti serta pelajar tempatan di luar negara sehingga menjejaskan usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Melayu.

"Kita (kerajaan) cuba beri ilmu kepada anak kita sebaliknya Pas ganggu anak-anak kita dengan mendakwa ini (ilmu universiti) semua sekular dan akhirnya menarik pelajar itu untuk menjadi alat Pas," katanya.

Perdana Menteri berkata kesan daripada perbuatan Pas itu menjejaskan tumpuan pelajar untuk mengaut ilmu sehingga menyebabkan sebahagian besar pelajar Melayu gagal mendapat kelulusan baik bagi menyaingi pelajar bukan Melayu.

Kunjungan Dr Mahathir, yang pertama ke Kelantan sejak pilihan raya umum 1999 dan yang pertama ke jajahan ini dalam tempoh 10 tahun, dipenuhi dengan pelbagai sambutan dan keramaian oleh kira-kira 5,000 penduduk, termasuk oleh masyarakat Orang Asli.

Sempena lawatan itu beliau dihadiahkan sepasang kancil hidup pemberian daripada penduduk Gua Musang.

-- BERNAMA

RAR MAI